

**PERANAN PUSAT PENGAJIAN
PONDOK KAMPUNG TELONG KANDIS
[PPP KANDIS] BACHOK KELANTAN
DALAM MELAHIRKAN ULAMAK**

**Disediakan Oleh :
Y.M. TUAN MOHD ROSLI TUAN HASSAN
WAN FAUZI WAN MAMAT
YASMIN HASSAN
RUS SANANI @ ASIAH HASSAN**

2002

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan Semesta Alam, Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga, para sahabat dan tabiin.

Bersyukur ke hadrat Allah yang telah memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kami dalam melakukan penyelidikan yang bermakna ini serta dapat menyiapkannya mengikut jadual. Setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada :

- i. Yang Berbahagia Dato' Pengarah UiTM Cawangan Kelantan**
- ii. Pengetua Pusat Pengajian Pondok Moden Kampung Telong Kandis, Bachok Kelantan**
- iii. Biro Penyelidikan dan Perundingan UiTM**
- iv. Jawatankuasa Penyelidikan**
- v. Pembantu-pembantu Penyelidik**
- vi. Semua Pelajar Tahun Akhir dan Lulusan Pusat Pengajian Pondok Moden Kampung Telong Kandis.**
- vii. Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberi sumbangan tenaga dan idea sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya.**

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
	Senarai Penyelidik	i
	Kumpulan Penyelidik	ii
	Penghargaan	iii
	Isi Kandungan	iv
	Senarai Jadual	viii
	Senarai Rajah	x
	Abstrak	xi

BAB SATU : PENGENALAN

1.1	Sejarah Pendidikan Malaysia	1
1.2	Latar Belakang Pendidikan Pondok	4
1.3	Pondok di Zaman Nabi	6
1.4	Kelantan Dan Institusi Pengajian Pondok	7
1.5	Penubuhan Dan Perkembangan Pondok Kg Telong	
	Kandis	11
	1.5.1 Visi, Misi dan Matlamat PPP	14
	1.5.2 Masa dan Hari Belajar	15
1.6	Pernyataan Masalah	16
1.7	Objektif Penyelidikan	17
1.8	Skop Penyelidikan	19
1.9	Kepentingan Penyelidikan	20

BAB DUA: KAJIAN KESUSASTERAAN

2.1	Kajian Tentang Sistem Pondok	21
2.2	Memahami Konsep Ulamak	26
	2.2.1 Definisi Ulamak	28
	2.2.2 Ulamak dan Perubahan Sosial	31
2.3	Kesimpulan	34

ABSTRAK

Pendidikan agama berperanan dalam melahirkan cendekiawan Islam. Justeru, keujudan Keujudan Pusat Pengajian Pondok (PPP) Kg Telong Kandis Bachok Kelantan, sebagai sebuah pondok moden yang bertujuan untuk melahirkan ulamak bolehlah dianggap sebagai pelengkap kepada pendidikan Islam hari ini..Soalnya, sejauhmanakah Pondok ini telah berjaya melahirkan ulamak? Apakah hambatan dan apakah pula faktor-faktor yang menyumbang kepada kekuatan dan kelemahan pusat pengajian ini jikalau ditinjau dalam konteks sosio-ekonomi negara? Oleh itu, kajian ini cuba melihat persoalan-persoalan ini dengan menggunakan persepsi dan pengalaman pelajar sebagai indikator disamping maklumat daripada 'secondary data'. Kajian ini melibatkan 56 sampel yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir dan lepasan Pusat Pengajian Pondok (PPP) Kampung Telong Kandis. 35 orang daripada jumlah responden tersebut adalah pelajar lepasan pusat pengajian ini sementara 21 orang adalah pelajar tahun akhir yang masih mengikuti pengajian. Hasil kajian, secara umumnya PPP boleh dikatakan telah berjaya mencapai objektif utama penubuhannya iaitu untuk melahirkan ulamak. Hakikat pencapaian ini adalah jelas kerana semua responden telah menamatkan pengajian kitab-kitab muktabar, lebih 80% responden terlibat dalam profession perguruan dalam menyebarkan syiar Islam dan lepasan pusat pengajian pondok ini boleh menyambung ke tahun tiga pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir. Namun, beberapa hambatan seperti soal pengiktirafan, kekurangan tenaga pengajar, kurang kemahiran dalam bidang perkomputeran dan Bahasa Inggeris serta pulangan ekonomi yang kurang memberangsangkan adalah di antara aspek-aspek yang perlu diperbaiki demi untuk meninggikan imej PPP. Oleh itu, kajian ini mencadangkan supaya kualiti pusat pengajian ini ditingkatkan. Usaha

BAB SATU

PENGENALAN

Bab ini akan mengutarakan sejarah pendidikan di Malaysia, latar belakang pendidikan pondok di Malaysia secara ringkas, mengimbas kembali pondok di zaman nabi sebelum memberi gambaran tentang pondok yang menjadi bahan kajian iaitu Pusat Pengajian Pondok, Kampong Telong, Kandis. Penyelidik seterusnya mengemukakan pernyataan masalah, objektif penyelidikan, skop penyelidikan dan kepentingan penyelidikan.

1.1 SEJARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Umumnya pendidikan boleh dikatakan mendokong dua peranan utama. Dari satu sudut, pendidikan sering dikenalpasti sebagai jentera untuk menyediakan tenaga kerja yang terlatih dalam pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menggerak dan menyuburkan pertumbuhan ekonomi negara (<http://www.sabah.edu.my/sk.kayau.ppr/fpn.htm>). Dari sudut lain pula pelajar yang sama juga telah melalui sistem pendidikan formal yang diharapkan menjadi individu yang seimbang dari segi pertumbuhan rohani, intelek dan jasmaninya. Ini penting bagi keharmonian dan kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat.

Perlembagaan Negara telah memperuntukkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan. Melalui perkara 2:12 dalam perlembagaan negara memberi